

27 NOV 1997

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR SINGGAH DI TOKYO UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

Oleh: Fisol Jaafar

TOKYO, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini malam ini untuk melakukan lawatan kerja sehari dalam perjalanan pulang dari menghadiri persidangan pemimpin kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Mohamed Ali dijadual tiba pukul 9 malam ini (pukul 7 malam waktu Malaysia).

Beliau mempunyai jadual yang ketat esok, dimulai dengan wawancara selama dua jam dengan akhbar terkemuka Jepun, Nihon Keizai Shimbun, dan stesen television Rangkaian 12 Tokyo.

Dalam taklimat kepada wartawan Malaysia hari ini, Duta Malaysia ke Jepun Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid berkata wawancara itu dijangka menyentuh antara lain pendirian Malaysia dalam menghadapi masalah mata wang dan pasaran modal selain mengenai program ekonomi negara dan kepimpinan beliau dalam Umno.

Kemuncak lawatan Perdana Menteri ke Tokyo ialah majlis dialog tertutup dengan 38 usahawan terkemuka Jepun petang esok.

Khatib berkata Dr Mahathir dan para usahawan itu, yang terdiri daripada presiden dan ketua eksekutif syarikat gergasi seperti Mitsui, Mitsubishi, Toyota, Matsushita, NTT, Daiwa Bank, Yamaichi Research Institute dan Kobe Steel, akan bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu serantau, khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan.

Majlis dialog itu akan diadakan selepas Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Usra Tampi Sdn Bhd, Premier Choice Sdn Bhd dan Metro Denso Co Ltd dari Jepun bagi usahasama dalam pembuatan komponen elektronik dan automotif.

Pada sebelah pagi esok, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan lima anggota "Wisemen Club" yang terdiri daripada ahli korporat terkemuka Jepun. Ini pertemuan kelima Perdana Menteri dengan anggota Wisemen Club.

Khatib berkata Dr Mahathir akan mengakhiri lawatan kerjanya dengan menerima kunjungan hormat bekas naib menteri bagi kewangan antarabangsa Jepun Toyoo Goyhten, yang kini presiden Institut Hal Ehwai Kewangan.

Dr Mahathir dijadual bertolak pulang ke Kuala Lumpur pada 8.30 pagi (6.30 pagi waktu Malaysia) Sabtu ini. -- BERNAMA

MFJ NMO